

15 DEC 2000

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG BIMBANG KERAJAAN AMBIL TINDAKAN, KATA MAHATHIR

SERDANG, 15 Dis (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal khabar angin yang didakwa disebarkan pembangkang kononnya kerajaan akan melancarkan satu operasi sama seperti "Ops Lalang" 1987 untuk menahan para pemimpin pembangkang.

"Saya tidak tahu apa-apa. Mungkin pembangkang lebih tahu daripada saya atau mereka berasa bersalah," kata Perdana Menteri semasa ditanya pemberita sama ada kerajaan sedang menimbang untuk mengambil tindakan terhadap pemimpin pembangkang yang melanggar undang-undang negara.

Beliau sebelum itu menyampaikan pensijilan ISO 9001 kepada Fakulti Perubatan Haiwan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Beliau berkata: "Mereka (pembangkang) tahu apa yang mereka lakukan adalah salah dan mereka bimbang kerajaan mungkin mengambil tindakan terhadap mereka."

Dr Mahathir berkata keadaan politik sekarang tidak mewajarkan tindakan sedemikian.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata jika pembangkang memaksa kerajaan dan didapati mereka tidak menghormati undang-undang dan ketenteraman, kerajaan mungkin terpaksa melakukan sesuatu mengenainya.

"Anggapan mereka ialah jika mereka berdemonstrasi dengan berkumpul berpuluh ribu orang, polis tidak akan berupaya bertindak, dan jika ditahan mereka semua akan berkata mereka berada di situ secara kebetulan.

"Ini yang mereka selalu katakan...idea sebenarnya tentulah untuk mencuba mengganggu pentadbiran kerajaan," kata Dr Mahathir.

Kenyataan Dr Mahathir hari ini adalah yang kedua seumpama itu sejak Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sebaik selepas pilihan raya umum 1999 bahawa kerajaan tidak akan mengadakan "Ops Lalang II".

Operasi Lalang 1987 menyaksikan penangkapan beberapa pemimpin pembangkang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi mengelakkan pertelingkahan kaum.

Perdana Menteri berkata fenomena untuk mencuba mengganggu kelancaran pentadbiran kerajaan berlaku di banyak negara membangun sedangkan di negara-negara maju kempen menentang dan memfitnah kerajaan berhenti selepas pilihan raya.

"Tetapi di negara membangun, yang kalah dalam pilihan raya akan cuba menjatuhkan kerajaan (yang dipilih) melalui demonstrasi dan rusuhan...tetapi mereka lupa bahawa jika mereka membentuk kerajaan mereka juga akan menghadapi keadaan yang sama," katanya.

Perdana Menteri berkata negara membangun yang mempunyai kerajaan yang dipilih secara demokratik tidaklah begitu stabil bagaimanapun di Malaysia kebanyakan rakyat Malaysia merupakan orang yang berakal tetapi ada sesetengah orang masih tidak belajar mengenai etika demokrasi."

Ditanya reaksi beliau terhadap kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor bahawa demonstrasi patut dibenarkan, Dr Mahathir berkata demonstrasi dibolehkan jika ada sebab untuk berbuat demikian.

"Tetapi setiap kali kita kehilangan sesuatu dan kita mahu berdemonstrasi itu adalah salah...jika kita mempunyai beberapa permintaan (yang) mungkin kerajaan tidak memberikan perhatian (dan) setelah sekian lama, rakyat mungkin mahu berdemonstrasi tetapi di sini ia merupakan sebuah parti pembangkang yang mempunyai wakil di Parlimen...di semua peringkat... mereka malahan mempunyai dua buah kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata parti-parti sepatutnya menggunakan saluran yang disediakan untuk mereka secara demokrasi daripada berdemonstrasi di jalanan untuk melepaskan kekecewaan mereka.

Perdana Menteri berkata parti-parti pembangkang patut menghentikan demonstrasi ini kerana tindakan mereka telah banyak menyebabkan ketidakselesaan kepada rakyat Malaysia yang lain.

"Mereka tidak kisah apa yang berlaku di negara ini. Bagi mereka, (pembangkang) apabila negara dalam keadaan huru-hara, maka mereka akan dapat manfaat yang maksimum bagi parti mereka," katanya.

Mengenai tuntutan 100 perkara yang dibuat oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Dr Mahathir berkata permintaan itu dibuat sebagai tidak balas kepada tuntutan serupa yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Persatuan-persatuan Cina Ma`laysia (Suqiu).

Suqiu sebelum pilihan raya umum 1999 membuat tuntutan 83 perkara kepada kerajaan termasuk meminta hak sama rata daripada kerajaan dari segi peluang perniagaan bagi semua kaum di negara ini.

"Tuntutan GPMS supaya Perdana Menteri mestilah orang Melayu sahaja...saya rasa ia merupakan tindak balas terus terhadap tuntutan yang dibuat oleh satu lagi pihak (Suqiu)."

Dr Mahathir berkata selama 43 tahun, rakyat Malaysia telah bekerja keras untuk menyatukan semua bangsa di negara ini dan kita telah mencapai satu tahap keharmonian yang tidak pernah ditemui di mana-mana negara berbilang kaum yang lain.

"Tetapi kumpulan kecil ini berkeras untuk menuntut perkara semata-mata untuk mereka dan dalam berbuat demikian mereka memprovokasi orang lain untuk membuat tuntutan yang lain," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan meminta GPMS berhenti daripada membuat tuntutan beliau berkata: "Jawapan mereka tentunya kenapa Datuk Seri tidak meminta mereka (Suqiu) berhenti dulu...Saya tidak suka semua ini...sebenarnya kedua-dua pihak patut berhenti.

Di Malaysia, kata Dr Mahathir tiada bangsa yang dapat semua yang mereka mahukan dan setiap orang harus bersedia untuk berkorban sesuatu jika mereka mahukan sebuah negara yang aman.

-- BERNAMA

SR ES RON